

# Qalam

KDN 186

---

150, Sha'abān 1382, Januari 1963, 60 sen

---

## Surat Haji Sanusi Mahmud

Dalam keluaran kita bulan yang lalu kita telah menyebarkan rencana Tuan Haji Sanusi Mahmud, yang menyandang *Shahādah 'Ālimiyah* dari Universiti Azhar di Mesir dan yang sekarang memegang jawatan Yang Dipertua Mahkamah Syariah Singapura.

Surat beliau yang ditujukan kepada pengarang Qalam, kepada Cemeti al-Farouk dan kepada tuan punya pengarang Qalam, Abdullah bin Hamid al-Edrus itu terbitnya ialah mengenai perasaan tulisan-tulisan yang kita siarkan atas perkara mengenai perasaan tidak puas hati kepada setengah-setengah perkara kononnya dijalankan atau dijadikan peraturan mengenai umat Islam Singapura.

Tulisan beliau adalah sebagai suatu jawapan, bidasan dan keterangan-keterangan serta tuduhan-tuduhan kepada rencana-rencana yang tersiar sebagai menggalang ganti perkara-perkara yang mengenai jabatan beliau.

Memandang kepada kedudukan beliau, dan dengan jawapan yang dikemukakan itu, kita memandang bahawa tulisan beliau, **kalau pun tidak dengan persetujuan kementerian yang beliau terletak dibawahnya, tentulah sekurang-kurangnya dengan pengetahuan kementerian itu.**

Kita katakan begitu, kerana semua isi yang ditulis di dalam rencana-rencana yang kita siarkan tidak sedikit pun ada membabit atau menyebut nama beliau. Perkara yang kita sebut di dalamnya ialah perkara agama, pelaksanaannya yang telah disampaikan kepada kita, yang kita pandang tidak memuaskan hati umat Islam umumnya di Singapura ini.

Jawapan seperti itu, yang kita yakin ada di dalam pengetahuan kerajaan, mengenai perkara umum, yang kita kita rasa tidak sedikit pun bertentangan dengan hukum-hukum agama bahkan kita yakin menguatkan hujah-hujah dalam menegakkan hukum agama yang boleh dibuat, adalah sangat didukacitakan sebab ianya hanya mendatangkan tuduhan dan membidas peribadi yang tidak ada kena mengena dengan perkara yang kita siarkan itu. Sekali lagi kita berasa dukacita melihat telatah yang sedemikian ini. Kita berharap kerajaan memberi penjelasan terhadap apa yang terjadi.

## Jawapan kita kepada surat Majlis Penasihat Islam

Terbit daripada rencana pengarang Qalam keluaran bulan September 1962, setiausaha Majlis Penasihat Islam Singapura telah menghantarkan suatu rencana atas nama majlis itu sebagai jawapan kepada rencana pengarang yang kita tulis. Rencana itu telah pun kita siarkan sepenuhnya di dalam majalah ini keluaran bulan Disember 1962.

Surat Majlis Penasihat Islam ini tidaklah pada tempatnya mereka menuduh kita bahawa kita mengkritik – tidak membina. Cubalah perhatikan kepada keadaan tentunya masing-masing melihat kebenarannya. Dengan kerana itu di dalam mesyuarat itu, sepanjang yang kita ketahui daripada punca-punca yang berkaiatan, sekalipun pada permulaan Haji Ya'kub telah berkata keras di atas Qalam tetapi akhirnya beliau dikatakan menyatakan di dalam Majlis itu, sepatutnya Majlis

berterima kasih kepada Qalam kerana dengan perantaraan Qalam perkara-perkara yang harus boleh jadi tidak memuaskan hati itu dipertimbangkan.

Di dalam rencana kita itu, kita telah menganjurkan supaya lantikan dan susunan badan itu diubah.

Pada akhir rencana itu kita ada berkata:

“Mudah-mudahan tulisan ini yang kita tujukan untuk kebaikan di antara hubungan kerajaan dengan umat Islam disambut baik.

“Kita berharap secepat mungkin susunan Majlis itu diubah. Cara-cara melantik ahli hendaklah dibuat dengan cukup hormat dan **terjauh daripada ada pegawai-pegawai kerajaan, yang berkaitan dengan Jabatan Keadilan Negeri dan undang-undang** dilantik di dalamnya. Demikian juga hendaklah seberapa dapat janganlah hendaknya ada di sana orang-orang yang berkaitan dengan badan-badan siasat terutamanya badan-badan siasat yang memerintah kerana yang demikian itu dengan sendirinya mempengaruhi, sekurang-kurangnya dapat membelokkan fikiran setengah-setengah ahli yang kurang berani memberi pendapatnya kerana memnadang kedudukannya.”

Sepanjang yang sampai kepada pengetahuan kita, apa yang kita tegur itu telah disambut dengan baik. Ini terbukti bahawa Encik Ahmad Ibrahim, yang dimulia dan dikasihi ramai, serta menjadi ahli Majlis Penasihat Islam beberapa lamanya, dengan sebab jawatan beliau menjadi Peguam Agung, dikatakan telah menyampaikan surat meletakkan jawatannya dan menjadi ahli Majlis itu.

Sebenarnya jika benar berita itu, keberhentian beliau, nisbah kepada perseorangan adalah sangat merugikan, terutamanya di dalam pengetahuan dan pengalaman beliau di dalam hal hukum dan agama, tetapi berhubung

dengan jawatan beliau, maka langkah beliau kita puji supaya dengannya tidaklah ada perkaitannya Badan Penasihat itu dengan rencana-rencana kerajaan yang ditugaskan beliau melaksanakannya. Tidaklah pada tempatnya kalau beliau beserta membuat satu nasihat atas sesuatu perkara sedang jawatan beliau sendiri menghendaki atas nasihat itu.

Dengan ketiadaan beliau di dalam Majlis itu, kalau berbangkit sesuatu perkara maka molek Majlis menjemput beliau memberi pandangan-pandangan di dalam perkara yang dibahas - tidak beliau menyertai sesuatu perbahasan. Demikian juga halnya dengan lain-lain pegawai.

Dengan dasar dan tujuan yang baik inilah kita berazam terus-menerus mengkritik sesuatu perkara khasnya dalam perkara mengenai perkembangan agama Islam. Selain itu, kita perlu dulu menjawab satu persatu tulis Majlis Penasihat Islam itu di dalam bahagian-bahagiannya:

1. Duka cita majlis Penasihat Islam tidak mengetahui bahawa usul mengadakan semula Majlis Penasihat Islam telah ditolak oleh beberapa anggota Jamiyah. Ini tidak syak lagi akan adanya seperti yang kita tulis di dalam rencana kita. Usul itu tentu ada dan kerana itulah Majlis sendiri mengakui: “ penubuhan semula Majlis telah diminta oleh sebahagian besar anggota-anggota Jamiyah.”
2. Majlis menyatakan bahawa lantikan-lantikan yang dibuat untuk ahli-ahli Majlis adalah dipilih oleh Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis dan diserahkan kepada kerajaan memilihnya - mana-mana yang disetujui diterima dan mana-mana yang tidak disetujui ditolak. Apakah ini satu cara yang bebas dan baik yang tidak ada campuran kerajaan di dalamnya? Perkara ini tentunya menimbulkan pertanyaan:

“Adakah ini tidak memberi peluang untuk kerajaan memilih orang-orang yang menasihatinya terlingkung di dalam orang-orang yang difikirkannya munasabah” sahaja? Jawapannya terpulang kepada umum.

3. Di dalam rencana kita, kita tidak menganjurkan bahawa semua ahli Majlis terdiri dari ‘alim ulama sahaja, tetapi kita memberi pendapat apabila terbit soal-soal yang mengenai hukum-hukum agama yang diminta nasihat daripadanya maka hendaklah mereka melantik jawatankuasa mengkajinya daripada ahlinya - iaitu ‘alim ‘ulama’. Jika tidak mencukupi daripada ahli-ahli Majlis patut pula meminta ulama-ulama di luar menyertainya supaya hukum-hukum agama tidak diputuskan dengan undi dan disertai oleh orang-orang yang bukan ahlinya.

Surat Majlis itu, membabit pula persoalan perkara daging di dalam tin dan seumpamanya yang tidak kena mengena dengan apa yang kita kehendaki. Soal daging di dalam tin, daging dijual yang dikatakan disembelih oleh seorang Islam di Australia, sekali lagi seorang Islam di Australia untuk beribu-ribu ekor kambing- bukanlah soal yang kita kritik - itu biarlah kita pulangkan kepada akal orang-orang Islam sendiri percaya atau tidak percaya.

4. Mengenai Encik Ahmad Ibrahim, di dalam permulaan ini kita telah sebut kedudukannya. Tidak seorang pun dapat menafikan kedudukan dan kebolehan beliau yang tinggi tetapi soalnya - jawatan beliau di dalam jabatan kerajaan dengan sendirinya tidak memolekkan beliau duduk di dalam Majlis itu. Alhamdulillah kritik kita nampaknya telah pun disambut - ertinya sekali pun di dukacitakan kehilangan beliau di Majlis itu, tetapi ini ada membawa kebaikan kepada kerajaan atas langkah-langkah untuk menjauhkan tuduhan-tuduhan yang kurang baik di atas kerajaan kerana pegawainya yang

berketanggungan ada di dalam suatu pertubuhan yang menasihati kerajaan.

5. Pada tahun 1957 dan sekali lagi pada tahun 1958, kita tahu tuan punya majalah ini telah berjumpa dengan almarhum Dato’ al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, mufti Johor. Beliau menyebut bahawa perceraian di dalam Islam tidak ada mengambil persetujuan seseorang isteri. Ini kata beliau hanya orang Kristian sahaja yang berbuat begitu. Perkara ini tidak kena mengena dengan undang-undang tahun 1960 yang ditarik semula seperti yang digambarkan di dalam surah itu. Yang disebut al-marhum ialah mengenai undang-undang tahun 1957 yang berjalan kuat kuasanya sekarang. Tidak ada ertinya Majlis menyebut-nyebut perjumpaan Yang di-Pertua Majlis dengan mufti Johor di dalam perkara-perkara mengenai wakaf dan soal nazir-nazir masjid, kerana perkara itu tidak kena mengena dengan undang-undang yang berjalan sekarang.

Mengenai perkara undang-undang yang ditarik balik - sekiranya tidaklah kerana kecuaihan ahli-ahli Majlis, sudah tentu perkara undang-undang itu telah berjalan kuat kuasanya sekiranya orang ramai dan kita tidak membangkangnya dahulu. Kalau undang-undang itu sebenarnya mengikut syarak mengapa Majlis menyemaknya semula dan mengadakan pindaan-pindaan? Kalau sudah betul mengapa mahu dipinda? Tidakkah ini menunjukkan kecuaihan atau pun ada apa-apanya di dalam hal itu sehingga beberapa orang alim ulama dan beberapa orang perseorangan dari anggota Majlis menyertai mengadakan bantahan dari luar di dalam tuntutan supaya Undang-undang Hukum Islam 1960 itu ditarik balik dan disemak semula?

6. Dalam perkara mengenai umur perkahwinan - kita berkesempatan, walau Imam al-Shāfi’ī sekalipun kalau beliau masih hidup tentu tidak mahu mengubah dasar hukum Islam, iaitu seseorang yang telah balighah boleh bersatu dengan suaminya. Maha suci tuhan yang telah

menentukan baligh itu merosakkan kedudukannya daripada hidup bersatu. Ulama-ulama fiqh hanya berselisih pendapat tentang selewat umur seseorang wanita itu baligh - ada menyatakan 15 thun, ada mengatakan lebih lagi iaitu 17 tahun saat seseorang perempuan balighah. Mereka sepakat tentang hukum bahawa seseorang perempuan boleh bersatu di dalam perkahwinannya sesudah balighah. Apakah ini soal khilafiyah seperti yang disebut di dalam surat Majlis? Mā shā' Allāh. Islam juga membenarkan nikah sebelum balighah. Mengapa kelulusan ini ditahan?

“Satu sebab yang utama yang telah mendorong anggota-anggota Majlis supaya menetapkan umur perkahwinan ialah supaya menggalakkan pelajaran supaya anak-anak kita dapat meneruskan pelajaran mereka” kata surat Majlis. Kita suka bertanya, Siti Aishah bersatu dengan Rasulullah (S.A.W) dalam masa umur 9 tahun. Siti Aishah nikah dengan Nabi sebelum balighah. Apakah kurangnya ilmu Siti Aishah? Kebanyakan alim ulama; dan keturunan-keturunan yang seketurunan dengan Yang di-Pertua Majlis, bersatu dengan isteri-isterinya yang masih muda - tidak dengan menentukan umurnya. Apakah zuriat-zuriat mereka yang hingga hari ini, menjadi orang-orang yang bodoh dan kurang pelajaran? Adakah kita lebih bijak daripada Allah yang Maha Bijaksana dan Maha Pencipta?

Lihatlah sejenak di sekeliling kita. Kanak-kanak baharu berumur tujuh di lapan tahun sudah “mengerti” akan hidupnya. Mengapakah maka kita menyekatnya pula?

7.Surat Majlis menuduh kita, dengan rencana kita itu ghibah dan mengumpat. Apakah tuduhan ini benar? Kita tidak perlu menjawabnya. Jawapannya kita ambil sahaja daripada perkataan ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad ahli Majlis Penasihat Islam sendiri yang telah pernah berkata seperti di bawah ini:

“Mengumpat keburukan orang itu dibolehkan kalau

sekiranya mengandungi maksud baik dan betul mengikut syarak serta tidak ada lain jalan melainkan berbuat demikian” ( keterangan lebih lanjut lihat apa katanya yang tersiar dalam keluaran ini).

Nampaknya Majlis Penasihat Islam sangat mudah mengadakan tuduhan-tuduhan lalu membawa ayat-ayat Allah untuk menghukum orang lain padahal hukuman itu tidak kena pada tempatnya. Beginikah caranya Majlis itu menerima kritik yang ditujukan untuk perbaikan masa yang akan datang?

Dengan cara ini kita sangat berduka cita melihat langkah majlis pada hal Majlis ini adalah Majlis yang bertanggungjawab, mengikut katanya, untuk membaiki keadaan masyarakat Islam. Inikah contoh yang dibangga-banggakannya sebagai suatu seruan yang membawa hikmah dan kebijaksanaan? Pembaca-pembaca sendiri boleh menghakimkannya. Kita sangat berduka cita melihat telatah ini kerana daripada telatah itu dapatlah melihat sinam sudah hilang mampunya.

*Sudah terbit!*

*Pengajian*

***KESAH PELAYARAN***

***ABDULLAH MUNSHI***

*di-susun sa-mula oleh:*

*EDRUS*

*Harga \$ 2.50 sa-naskhah*

*Tambah belanja pis (register) 40 sen*

*Di-chitak dan di-terbitkan oleh:*

*QALAM*

*856/ 858, Geylang Road,*

*Singapura 14.*